

# Bioteknologi mampu tingkat hasil kelapa

PM mahu kebun dihidupkan semula bagi tingkat produk pertanian

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,  
Abdul Razak Raaff, Mohd Zin Ali,  
Johan Afandi  
dan Mohd Roji Abdullah

**M**ACHAP: Datuk Seri Abdul-lah Ahmad Badawi mahu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghidupkan semula kawasan kebun kelapa yang kini terbiar di seluruh negara kerana dianggap tidak mampu memberi pulangan menguntungkan.

Perdana Menteri berkata, melalui penggunaan kaedah bioteknologi yang terbukti memantapkan lagi sektor pertanian negara, tidak mustahil pelbagai produk dapat dihasilkan daripada kelapa.

Beliau berkata, minyak kelapa sinonim dengan masyarakat negara ini sejak dulu lagi, tetapi penggunaannya semakin berkurangan berikutan timbul tanggapan ia punca pelbagai penyakit kronik.

"Sejak zaman nenek moyang kita lagi, minyak kelapa lah yang mereka gunakan termasuk untuk memasak tetapi kebelakangan ini, kita pula yang takut nak menggunakannya kerana bimbang pelbagai penyakit.

"Sebenarnya, minyak kelapa itu bernilai tinggi terutama minyak kelapa dara dan kita ada teknologi terkini untuk menghasilkan minyak kelapa yang lebih bersih dan boleh dijadikan pelbagai produk kesihatan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian dalam

**“Melalui penggunaan kaedah bioteknologi yang terbukti memantapkan lagi sektor pertanian negara, tidak mustahil pelbagai produk dapat dihasilkan daripada kelapa”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

ucapannya ketika melawat Pusat Memproses Ayam Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Sementara itu, Perdana Menteri, mahu kelewatan kerja pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) bernilai RM1.3 bilion di sini, yang sudah 90 peratus segera diatasi.

"Saya akan meminta (Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S) Samy Vellu melihat kelewatan ini dan minta mereka cegah projek kerana ia dibuat bagi melancarkan pergerakan lalu lintas di Tambak Johor," katanya.

Beliau berkata, Kompleks KIK baru ini sudah hampir siap dan apa yang perlu dibuat ialah menyediakan laluan yang menghubungkannya ke Tambak Johor bagi menampung bilangan kenderaan yang berulang alik di Tambak Johor.

Abdullah berkata, projek KIK penting kerana ia dapat mengatasi ma-

salah kesesakan kepada kenderaan berikutan ia mempunyai ruang yang mencukupi kepada semua kenderaan yang menggunakan kompleks berkenaan.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan Terminal Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail (LTASI) di Senai, Abdullah berkata, kemudahan itu penting dalam menjana pembangunan Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER).

Abdullah berkata, kewujudan terminal kargo di selatan Johor itu penting, selaras dengan rancangan pembangunan SJER dan kemudahan itu perlu dikendalikan dengan tahap kecekapan dan keselamatan yang tinggi serta pantas.

"Pengurusan kemudahan yang tidak cekap serta kawalan keselamatan longgar, hingga menyebabkan kes seperti kecurian berlaku boleh menyebabkan pengguna kecewa dan ia turut menjejaskan imej negara," katanya.

Beliau berkata, SJER akan menjadi kawasan terpenting di rantau Asia Tenggara dan kewujudan kemudahan kargo berkenaan adalah tindakan amat tepat seiring dengan komitmen kerajaan.

BH - 15/8/2006